

▼30/07/15-52MST
R GB 30-07 00178 BA087

aab

Mahathir - EAEC

REAKSI TERBARU AMERIKA TERHADAP EAEC BAIK SEDIKIT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata reaksi terbaru Amerika Syarikat terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) adalah lebih baik daripada pendirian sebelum ini yang menolak langsung perkara itu.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Penolong Setiausaha Negara Amerika bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Winston Lord yang meminta maklumat lanjut mengenai EAEC.

"Sekiranya mereka mahu, kita sedia menghantar rombongan dari Asean untuk menjelaskan konsep EAEC," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan ke-23 Parti Gerakan di sini.

Dr Mahathir berkata beliau ingin tahu bidang yang masih diragui oleh Amerika kerana Malaysia telah menjelaskan secara mendalam tentang EAEC "tetapi mereka nampaknya masih tidak faham."

Lord membuat kenyataan itu pada persidangan akhbar di Kedutaan AS di sini semalam. Beliau menamatkan lawatan dua hari ke negara ini semalam setelah menghadiri Forum Serantau Asean dan Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri Asean (PMC) di Bangkok. -- Lagi.

▼30/07/15-44MST

CNS2921

R GB 30-07 00224 BA091

bah

Mahathir - EAEC 2 (akhir) Kuala Lumpur

"Kita sudah menjelaskan bahawa EAEC bukan blok perdagangan seperti NAFTA (Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara), ia tidak bertujuan menghalang dagangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan demikian AS boleh terus berdagang dengan Asia dan Malaysia telah menjelaskan bahawa tujuannya ialah untuk mengadakan forum bagi membincangkan masalah bersama.

"Apakah kita tidak boleh? Kalau tidak boleh, apakah ini kerana kita bangsa Asia atau kerana ada sesuatu melanggar hak asasi manusia atau apa asasnya?" tanya beliau.

Beliau percaya konsep EAEC akan dapat diterima akhirnya.

Mengeai cadangan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik agar gaji kakitangan awam dinaikan untuk mengelakkan mereka memilih bersara awal, Dr Mahathir berkata, kerajaan memang berhasrat menaikkan gaji mereka tetapi pada masa yang sama ia perlu mengambil kira jumlah yang mampu dibayar.

Kerana itulah beberapa jabatan kerajaan telah diswastakan untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam dan dengan cara itu negara akan mempunyai hasil yang mencukupi untuk menaikkan gaji.

Bagaimanapun kerajaan sentiasa menyatakan bahawa gaji yang dibayar mestilah setimpal dengan produktiviti.

Sekarang cuma ada satu masalah iaitu pegawai perkhidmatan awam yang terbaik memilih bersara awal bagi menyertai sektor swasta untuk memperolehi pendapatan yang lebih sedangkan harapan kerajaan ialah mereka yang tidak berkemampuan yang memilih berbuat demikian. -- Bernama

APY JM NMO